

KUIZ RAMADHAN AL-MUBARAK

1432H/2011M

Anjuran Surau al-Islah, Taman Kajang Mewah

dengan kerjasama

Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) Cawangan Hulu Langat

Nama:

Alamat:

.....

.....

Telefon: Rumah: HP:

Arahan : Jawab semua soalan berikut:

Bahagian A: SOALAN TENTANG AL-QURAN

1. Yang manakah nama-nama al-Quran yang betul?
 - A. al-Jihaz, al-Ulum, al-Quran
 - B. al-Furqan, al-Zikr, al-Tanzil
 - C. al-Quran, al-Kitab, al-Muhadathah
2. Pada ayat berapakah “Ashab al-A`raf” disebutkan dalam surah al-A`raf?
 - A. 34
 - B. 54
 - C. 46
3. Apakah nama kampung kaum Nabi Soleh a.s?
 - A. Madinah
 - B. Hijaz
 - C. Mada'in
4. Siapakah yang dimaksudkan dengan “as-Sooffa” dalam Surah as-Sooffa?
 - A. Nabi Musa a.s
 - B. Malaikat
 - C. Nabi Nuh a.s
5. Iblis daripada golongan Malaikat atau golongan Jin? Dalam surah apakah hal ini disebutkan?
 - A. Al-Nas
 - B. Al-Kahf
 - C. Al-Nisa'
6. Apakah yang dimaksudkan “Ummul Qura” dalam surah al-An'am ayat 92?
 - A. Makkah al-Mukarramah
 - B. Madinah al-Munawwarah

C. Bait al-Maqdis

7. Apakah cara pentafsiran al-Quran yang paling sahih?
- A. Al-Quran dengan al-Quran
 - B. Al-Quran dengan al-Hadith
 - C. Al-Quran dengan pandangan sendiri
8. Apakah ayat yang terdiri daripada satu perkataan?
- A. Yaasin
 - B. Qaf
 - C. Mud-haammatan
9. Apakah punca kelemahan umat Islam seperti yang difirman oleh Allah dalam surah al-Anfal ayat 47 ?
- A. Tiada Iman
 - B. Mengikut hawa nafsu
 - C. Berpecah dan berbalah

Bahagian B: SOALAN TENTANG SIRAH

10. Apakah penyakit awal yang menyerang baginda sebelum wafat?
- A. Pening kepala, demam
 - B. Pening kepala, luka di kaki
 - C. Demam, selsema
11. Bilakah Baginda saw wafat?
- A. Hari Selasa selepas solat Isya'
 - B. Di waktu Dhuha hari Isnin
 - C. Selepas solat maghrib bersama Abu Bakar dan para sahabat yang lain
12. Apakah nazar yang dibuat oleh Abu Sufyan selepas melihat rakan-rakannya menerima musibah dalam perang Badar?
- A. Tidak mahu makan sehinggalah beliau benar-benar lapar
 - B. Akan meneruskan perjuangan untuk memusnahkan tentera Islam
 - C. Tidak akan mengenakan air ke kepalanya sehinggalah berperang semula dengan tentera Rasulullah saw
13. Siapakah ketua al-Ansar dalam peristiwa Bai'ah al-'Aqabah yang kedua?
- A. Abu Ayyub al-Ansari
 - B. Barra' bin Mi'war
 - C. Ukasyah
14. Berapa tahun Baginda saw sempat berpuasa dalam bulan Ramadhan?
- A. 9 kali Ramadhan
 - B. 10 kali Ramadhan
 - C. 13 kali Ramadhan
15. Siapakah sahabat yang pertama solat dalam keadaan menghadap ke Masjid al-Haram di Makkah?
- A. Abdul Rahman bin 'Auf
 - B. Ali bin Abu Talib
 - C. Abu Sa'id al-Harith bin Nufai' bin al-Ma'li al-Ansari

Bahagain C: SOALAN UMUM

16. Apakah sebab nuzul ayat 48 surah al-Taubah?
 - A. Kerana Baginda saw berdoa untuk ibunya
 - B. Kerana Baginda saw mendirikan solat jenazah ke atas mayat orang seorang daripada kafir Quraisy
 - C. Kerana Baginda saw mendirikan solat jenazah ke atas mayat ketua munafiq Abdullah bin Ubaiy bin Salul
17. Apakah kegelapan yang tiga seperti difirmankan oleh Allah swt dalam surah al-Zumar ayat 6?
 - A. Alam ruh, alam barzakh dan alam akhirat
 - B. Perut ibu, rahim ibu dan uri
 - C. Alam barzakh, kiamat dan syurga
18. Apakah Kaffarah bagi suami yang melakukan zihar terhadap isterinya?
 - A. Memerdekakan hamba, jika tidak mampu puasa dua bulan berturut-turut, jika tidak mampu maka bayar fidyah tiga cupak beras
 - B. Memerdekakan hamba, jika tidak mampu puasa dua bulan berturut-turut, jika tidak mampu maka berikan makan kepada 60 orang miskin
 - C. Puasa selama dua bulan berturut-turut atau hanya membayar fidyah dua cupak beras
19. Pada tahun berapakah berlakunya Hajjah al-Wada` Rasulullah saw?
 - A. Pada tahun ke 9 hijrah
 - B. Pada tahun ke 10 hijrah
 - C. Pada tahun ke 8 hijrah
20. Siapakah sahabat Baginda saw yang digelar Amir al-Rumah (Ketua Pemanah)?
 - A. Khalid bin al-Walid
 - B. Hanzholah
 - C. Abdullah bin Jubair
21. Apakah ibadah yang sering digabungkan oleh Allah swt dalam al-Quran?
 - A. Solat dan Zakat
 - B. Puasa dan Haji
 - C. Haji dan Umrah
22. Siapakah “Firaun” umat ini yang digelar oleh Rasulullah saw?
 - A. Abu Jahal
 - B. Abu Lahab
 - C. Abdullah bin Ubaiy
23. Apakah nombor dalam tulisan rumi yang menggunakan nombor Arab?
 - A. 7
 - B. 9
 - C. 0

Bahagian D: SOALAN TENTANG FIQH

24. Apakah hukum qada hajat di dalam air yang tidak mengalir?
 - A. Haram
 - B. Diharuskan
 - C. Makruh sahaja

25. Apakah maksud “*istijmar*” ?
- A. Menyucikan najis selepas qada hajat dengan air
 - B. Menyucikan najis daripada lantai
 - C. Menyucikan najis selepas qada hajat dengan menggunakan batu
26. Tawaf Wida` dilakukan ketika...
- A. Selesai mengerjakan haji
 - B. Mula tiba di Makkah
 - C. Sekembali dari Madinah al-Munawwarah
27. Berapakah jenis haji?
- A. 2
 - B. 3
 - C. 4
28. Nenek Suriani baru sahaja meninggal dunia sedangkan dia tidak dapat berpuasa pada bulan Ramadhan yang lalu kerana sakit tua. Apakah jalan penyelesaiannya?
- A. Tak perlu buat apa-apa
 - B. Anak/ cucunya perlu gantikan puasanya
 - C. Bayar Fidyah
29. Azizee berjalan-jalan dipadang pasir dalam bulan Ramadhan, lalu debu-debu memasuki hidungnya. Apakah hukum puasanya?
- A. Batal
 - B. Sah
 - C. Makruh
30. Rasyidah terus sahaja berbuka puasa sebaik sahaja mendengar azan maghrib. Tiba-tiba, dia dimaklumkan bahawa itu adalah suara anak jirannya yang berlatih azan. Bagaimana dengan puasanya?
- A. Batal
 - B. Sah
 - C. Makruh